

1. Kata sendi nama merupakan **kata depan** kepada kata nama.
2. Kata sendi bertugas sebagai kata yang merangkaikan frasa nama dengan kata-kata atau frasa-frasa yang lain.
3. Kata sendi memerlukan frasa nama untuk membentuk frasa sendi supaya dapat bertugas sebagai predikat ayat.
4. Antara kata sendi yang lazim digunakan dalam Bahasa Melayu ialah seperti : *di, ke, dari, daripada, kepada, pada, bagi, demi, tentang, seperti, bagai, umpama, sejak, terhadap, akan, oleh, hingga, sampai, antara, untuk, dengan, dalam*, dan sebagainya.

**PENGGUNAAN KATA SENDI**

| KATA SENDI               | PENGGUNAANNYA  | AYAT CONTOH  |
|--------------------------|--|--|
| di                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk tempat.</li> <li>· Dieja terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.</li> </ul>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Pertandingan itu diadakan <i>di</i> Taiping.</li> <li>2. Cikgu Nadia bekerja <i>di</i> sekolah itu.</li> </ol>   |
| ke                       | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk tempat, masa dan benda konkrit tidak bernyawa.</li> <li>· Dieja terpisah daripada kata nama atau frasa nama yang mengikutinya.</li> <li>· Tidak boleh digunakan di hadapan kata nama atau frasa nama yang merujuk manusia atau binatang.</li> </ul> | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Mereka akan <i>ke</i> Ipoh esok.</li> <li>2. Din menunggu Siha dari pagi hingga <i>ke</i> petang.</li> <li>3. Pinggan itu dihempaskannya <i>ke</i> lantai.</li> <li>4. Cik Bedah <i>ke</i> surau.</li> </ol>   |
| dari                     | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk tempat, arah atau masa.</li> </ul>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Bola itu ditendang <i>dari</i> penjuru padang.</li> <li>2. Kami menunggu <i>dari</i> pukul 8.00 pagi.</li> <li>3. Ely datang <i>dari</i> Kelantan.</li> </ol>  |
| daripada                 | <ul style="list-style-type: none"> <li>· Digunakan untuk orang, perbandingan, asal kejadian, benda abstrak, pertentangan, dan untuk menunjukkan keanggotaan.</li> </ul>  | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Surat itu saya terima <i>daripada</i> Yatie.</li> <li>2. Pensel ini lebih panjang <i>daripada</i> pensel itu.</li> <li>3. Ukiran itu diperbuat <i>daripada</i> perak.</li> <li>4. Kami memperoleh manfaat <i>daripada</i></li> <li>5. Yang dikatakannya berbeza <i>daripada</i> yang diamalkan.</li> <li>6. Kumpulan perompak senjata api itu terdiri <i>daripada</i> enam belas orang anggota.</li> </ol> |
| Kepada/<br>akan/terhadap | Digunakan selepas kata adjektif yang menyatakan perasaan atau sikap.   | <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Devi suka <i>akan</i> rambutan.</li> <li>2. Hanim amat sayang <i>akan/kepada</i> ibunya.</li> <li>3. Kita mesti hormat <i>akan/kepada/terhadap</i> ibu bapa.</li> </ol>  |

**BAHASA MELAYU**

**KATA SENDI NAMA**

**NOTA CIKGU HASNI**

| KATA SENDI                          | PENGGUNAANNYA   | AYAT CONTOH   |
|-------------------------------------|---|---|
| bagi/untuk                          | · Digunakan untuk menentukan sesuatu yang <i>dibezakan</i> daripada yang lain.  | 1. Derma <i>untuk / bagi</i> mangsa banjir sedang dipungut.<br>2. Hadiah ini <i>untukmu</i> .   |
| pada                                | · Digunakan untuk <i>masa, manusia, binatang, benda abstrak, dan benda konkrit tertentu</i> .   | 1. Peah tiba <i>pada</i> pukul lapan malam.<br>2. Tiket bas itu ada <i>pada</i> Hanim.<br>3. <i>Pada</i> pendapat saya, cerita itu benar.                                     |
| demi                                | · Digunakan dihadapan jk kata nama atau frasa nama yang membawa maksud tujuan   | 1. Rakyat Malaysia mesti bersatu <i>demi</i> kesejahteraan negara.<br>2. <i>Demi</i> kepentingan bersama, marilah kita berdamai.  |
| tentang                             | · Digunakan untuk menyatakan makna <i>berkenaan dengan</i>  | 1. Menteri-menteri itu berbincang <i>tentang</i> masalah negara.  |
| seperti/<br>umpama/<br>laksanabagai | · Digunakan untuk membawa maksud <i>perbandingan</i> atau makna <i>persamaan dengan yang lain</i> .   | 1. Pemuda itu berlagak <i>seperti/ umpama/ laksana/bagai</i> orang berada.<br>2. Suaranya merdu <i>seperti/umpama/ laksana/bagai</i> buluh perindu.                           |
| dengan                              | · Digunakan untuk menyatakan maksud <i>bersama-sama</i> atau <i>serta, bandingan setara, keterangan cara, dan penggunaan sesuatu sebagai alat</i> . | 1. Izzat bermain <i>dengan</i> Hazwan.<br>2. Hasilnya tidak setimpal <i>dengan</i> usahanya.<br>3. Nani belajar <i>dengan</i> tekun.<br>4. Nora menulis <i>dengan</i> pensel. |
| sejak/semenjak                      | · Digunakan untuk membawa maksud <i>penanda waktu</i> atau <i>masa</i> .  | 1. Milah sentiasa gembira <i>sejak/semenjak</i> suaminya pulang dari perantauan.  |
| oleh                                | · Digunakan selepas <i>kata kerja pasif</i> yang berawalan <i>di-</i> dan <i>ter-</i>   | 1. Kuih ini dibuat <i>oleh</i> Nadiah.<br>2. Anggota kumpulan itu terpengaruh <i>oleh</i> kata-kata ketua mereka.   |
| hingga/<br>sampai                   | · Digunakan untuk menyatakan <i>had masa, waktu atau tempat tertentu</i> .  | 1. Anggota-anggota polis berkawal <i>hingga/ sampai</i> larut malam.<br>2. Midah belajar <i>hingga/sampai</i> peringkat universiti.   |
| dalam/<br>antara                    | Digunakan untuk menyatakan pengertian <i>tempat yang tidak mempunyai ruang atau jarak</i> .   | 1. <i>Dalam</i> hal ini, kita semua setuju.<br>2. Mereka berbincang <i>antara</i> adik- beradik   |